

KEPENTINGAN INOVASI TERHADAP PRESTASI PKS MALAYSIA

(The Important of Innovation for SMEs Performance in Malaysia)

Nasiruddin Haron*

Rosli Mohd Saad

Mohd Sufli Yusof

nasir3780@uum.edu.my

School of Business
Universiti Utara Malaysia

Abstrak: *Kepentingan Inovasi kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) amatlah kritikal dan ianya mampu menyumbang kepada momentum kemajuan sesebuah negara khususnya kepada Malaysia. Sektor PKS yang menerapkan inovasi di dalam organisasi mereka akan dapat menyumbangkan idea-idea dan menghasilkan produk-produk baharu baharu seterusnya dapat menjamin prestasi inovasi produk yang berimpak tinggi untuk kekal relevan dengan kehendak semasa serta berdaya saing seiring dengan teknologi terikini. Kajian literatur lepas menunjukkan Inovasi penting bagi sektor PKS untuk peningkatan prestasi dan terus berdaya saing*

Kata kunci: *Inovasi, Prestasi, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)*

Abstract: *The importance of innovation approach towards Small and Medium Enterprises (SMEs) is undeniably, crucial and able to driven any participating country's development especially Malaysia. SMEs sectors that constantly nurture innovation principles within an organization are believed to be the source of ideas in producing a high-end product as well as competing in the global standard. In addition, innovation allows an organization to be updated with current technologies and stays relevant to the consumers. Previous researchers have demonstrated improvements in the performance of SMEs sectors with the application of innovation*

Keywords: *Innovation, Performance, Small medium Enterprises (SMEs)*

2020 JGBSE

PENGENALAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dilihat memainkan peranan penting dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi negara disamping membantu asas industri negara. Menurut Jamaiah Yahaya, Siti Rohana Ahmad Ibrahim, Abdul Razak Hamdan, Aziz Deraman dan Yusmadi Yah Jusoh (2018) PKS merupakan nadi ekonomi negara, mewakili lebih 90% daripada perniagaan dan menggaji 65% daripada jumlah keseluruhan tenaga kerja di Malaysia. Ianya adalah penting untuk mengurangkan kebergantungan secara langsung kepada ekonomi

global. Dalam penjaanaan ekonomi Malaysia, PKS merupakan nadi dan enjin pelaburan domestik bagi merealisasikan Dasar Keusahawanan Negara 2030(DKN 2030) untuk Malaysia mencapai status negara maju dan makmur. Oleh yang demikian PKS telah dijadikan asas dan tulang belakang dalam mendokong hasrat dan matkamat menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan (*entrepreneurial nation*) yang unggul menjelang tahun 2030. PKS secara keseluruhannya telah memberikan sumbangan dalam jumlah pertubuhan perniagaan atau perusahaan dan jumlah pekerjaan dengan membuka lebih banyak peluang pekerjaan, sumbangan pendapatan negara, penjimatan tukaran wang asing selain melahir dan mempertingkatkan kemahiran di kalangan tenaga kerja.

Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dianggap komponen penting dalam ekosistem perniagaan di Malaysia. Sebagai komponen penting dalam ekosistem perniagaan, firma-firma ini terus menjadi perhatian. Penekanan terhadap PKS berikutan peningkatan bukti kuantitatif yang menunjukkan pelbagai sumbangan penting mereka kepada pembangunan ekonomi negara. Antara sumbangan penting mereka termasuk; penciptaan peluang pekerjaan, pengeluaran barangan dan perkhidmatan, menyediakan pelbagai perkhidmatan sokongan kepada syarikat besar, inovasi, serta rangsangan persaingan (Hashim, 2011).

Pada tahun 2018, dilaporkan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dapat menyumbang sekurang-kurangnya 38 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDKN) negara dan PKS mewakili 98.5% daripada keseluruhan perusahaan yang ditubuhkan di Malaysia (SME Corporation, 2018).

Kerajaan Malaysia melalui pelbagai kementerian dan agensi berkaitan telah melaksanakan program-program untuk menarik perhatian masyarakat untuk berkecimpung di dalam bidang Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Penglibatan masyarakat secara konsisten akan memberi impak ekonomi kepada negara di samping dapat meningkatkan taraf hidup, mewujudkan peluang pekerjaan, melaksanakan tanggungjawab sosial dan pengukuhan sektor PKS.. Menurut Azmi Wahab, Diana Abdul Wahab dan Mohammad Tawfik Yaakub (2019), disamping langkah dan usaha kerajaan dengan pelbagai inisiatif untuk membantu sektor PKS berkembang, inovasi merupakan salah satu cabaran dan isu yang perlu ditangani.

Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

PKS mempunyai pelbagai definisi mengikut peranan, fungsi dan organisasi yang berkaitan. Mesyuarat Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang ke-14 pada Oktober 2013 (SME Corp. Malaysia, 2014) telah memberikan definisi baharu untuk PKS yang terpakai bermula 1 Januari 2014 seperti berikut:

- Pembuatan: Jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang.
- Perkhidmatan dan lain sektor: Jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta atau bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang.

Sesebuah perniagaan diklasifikasikan sebagai PKS jika memenuhi salah satu daripada dua kriteria kelayakan iaitu jualan tahunan atau bilangan pekerja sepenuh masa, mana-mana yang rendah. Manakala definisi berdasarkan saiz operasi pula adalah seperti berikut:

- Perusahaan mikro merentasi semua sektor: jualan tahunan kurang daripada RM300,000 atau bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 5 orang.
- Jadual 1.1 merumuskan definisi untuk kategori kecil dan sederhana berdasarkan sektor masing-masing.

Jadual 1.1

Definisi PKS

Kategori	Kecil	Sederhana
Pembuatan	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM15 juta atau daripada 5 hingga kurang daripada 75 pekerja.	Jualan tahunan daripada RM15 juta hingga tidak melebihi RM50 juta atau daripada 75 hingga tidak melebihi 200 pekerja.
Perkhidmatan dan Sektor Lain	Jualan tahunan daripada RM300,000 hingga kurang daripada RM3 juta atau daripada 5 hingga kurang daripada 30 pekerja.	Jualan tahunan daripada RM3 juta hingga tidak melebihi RM20 juta atau daripada 30 hingga tidak melebihi 75 pekerja.

(Sumber SMECorp)

Pengaruh Inovasi Terhadap Prestasi PKS

Inovasi adalah pembangunan sesebuah firma dalam membina idea-idea baru dari segi perkhidmatan dan proses untuk meningkatkan keupayaan penghasilan produk yang secara tidak langsung mempengaruhi prestasi sesebuah perniagaan. Majoriti daripada kajian yang dijalankan oleh penyelidik terdahulu menunjukkan hubungan yang positif di antara inovasi dan prestasi perniagaan. Hasil kajian oleh Rauch et al. (2014) yang menggunakan 37 kajian lepas melalui kaedah analisis-meta telah berjaya membuktikan korelasi positif antara inovasi dan prestasi perniagaan. Selain daripada itu, pemantauan Yang (2006) terhadap 406 buah firma PKS di Taiwan juga telah menunjukkan korelasi yang positif walaupun kecenderungan pembolehubah inovasi adalah sederhana berbanding kajian yang dilakukan oleh Rauch et al. (2014). Sehubungan dengan itu, kita dapat menjangkakan corak yang sama akan ditunjukkan oleh syarikat PKS di Malaysia.

Berdasarkan kajian oleh Ahmad & Abdul Ghani (2013) terhadap 143 buah syarikat PKS di Malaysia yang dipilih secara rawak, dengan menggunakan analisis regresi berhieraki dan regresi berganda, korelasi positif telah ditunjukkan oleh inovasi dengan prestasi perniagaan. Ini selari dengan pernyataan hipotesis berdasarkan kajian terdahulu.

Kepentingan Inovasi Terhadap PKS di Malaysia.

Inovasi merupakan elemen terpenting yang mempengaruhi orientasi keusahawanan dalam PKS. Telah diketahui umum berkaitan betapa pentingnya inovasi dan kreativiti terhadap kejayaan sesuatu perniagaan, lebih-lebih lagi dengan keadaan ekonomi yang kerap kali berubah dan tidak menentu. Dengan ketiadaan unsur inovasi, syarikat perniagaan seperti PKS akan tenggelam di dalam kegagalan disebabkan oleh teknik penjualan dan strategi perniagaan yang tidak mempunyai kepelbagaian. Inovasi dapat menjadikan sesebuah syarikat satu langkah ke hadapan di dalam industri berbanding saingan yang lain dan pada masa yang sama mengalakkan kakitangan lebih produktif dari segi penghasilan kerja. Ini tidak hanya terhad

kepada paten dan teknologi baru, malahan ia juga dapat diterjemahkan dalam pelbagai bentuk seperti mendekati pelanggan dengan cara yang lebih unik. Unsur inovasi dalam firma PKS dapat memastikan sesebuah perniagaan kekal untuk masa yang lebih lama.

Untuk meningkatkan unsur inovasi, sesebuah PKS tidak sewajarnya menghadkan hubungan di dalam kalangan organisasi sahaja. Hubungan luar dan kerjasama dengan saingan yang lain dapat membantu sesebuah PKS dari segi perkembangan perniagaan. Melalui kerjasama yang lebih meluas, sesebuah organisasi akan sentiasa dapat menimba ilmu baru selain maklum balas yang dapat dimanfaatkan untuk perniagaan.

Walaupun bagaimanapun, sebahagian besar PKS di Malaysia tidak memberikan perhatian yang sepatutnya terhadap pembangunan inovasi di dalam industri masing-masing. Faktor utama adalah disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dalam sesebuah firma dan dapat dibaik pulih melalui penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan latihan. Kesedaran PKS di Malaysia terhadap kepentingan inovasi adalah penting untuk berada di kedudukan selari dengan PKS di peringkat global.

Kesimpulan

Pertumbuhan ekonomi dalam industri ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor termasuklah inovasi. Menurut Hilmi et al. (2010), inovasi mempunyai hubungan penting dengan prestasi PKS. Inovasi secara amnya boleh didefinisikan sebagai penciptaan produk, servis atau proses yang baharu ataupun penambahbaikan produk sedia ada untuk memenuhi kehendak pelanggan dan keadaan sekeliling (Allen, 2003). Menurut Nauwelaers & Wintjes (2002), terdapat peningkatan di dalam pengurusan inovasi dalam konteks PKS. Ini mungkin terjadi kerana PKS memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi, dan inovasi merupakan salah satu faktor yang membolehkan PKS terus berkembang maju. Selain daripada itu, Kurt et al. (2008) berpendapat PKS yang berinovasi menjadi jentera untuk pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan yang berekonomi rendah.

Sektor PKS sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran dan persaingan yang perlu ditempuhi bagi memastikan kestabilan perusahaan mereka dan penerapan aktiviti inovasi ketika menjalankan perusahaan dilihat mampu memberi daya saing kepada pengusaha PKS. Malah, prestasi perusahaan juga dilihat meningkat sejajar dengan peningkatan aktiviti inovasi ketika menjalankan perniagaan (Aghion dan Steven, 2005).

Kepentingan prestasi inovasi produk kepada sektor PKS amatlah penting untuk survival dan ianya merupakan kunci utama kepada sesebuah firma untuk kekal bersaing di dalam pasaran yang kian mencabar. Oleh yang demikian, artikel ini mengupas kepentingan inovasi kepada sector PKS, khususnya kepada PKS di Malaysia.

Rujukan:

Allen, J. (2003) *Lost Geographies of Power* (Oxford: Blackwell Publishing)

Hashim, M. K. (2011). Managing small and medium-sized enterprises: The Malaysian perspectives. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.

Hilmi, M., Ramayah, T., Mustapha, Y., & Pawanchik, S. (2010). Product and process innovativeness: evidence from Malaysian SMEs. *European Journal of Social Sciences*, 16(4), 556-565

Jamaiah Haji Yahaya, Siti Rohana Ahmad Ibrahim, Abdul Razak Hamdan, Aziz Deraman, Yusmadi Yah Jusoh (2018). Model Kesyediaan Pelaksanaan Teknologi Maklumat untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana Ke Arah Era Revolusi Industri 4.0. *Jurnal Pengurusan*, 54, 189 – 203

Laman Web Rasmi SME Corp. Malaysia, <http://www.smecorp.gov.my>, Garis Panduan Bagi Definisi Baharu PKS disediakan oleh SME corp. Malaysia Sekretariat bagi Majlis Pembangunan Perniagaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan, Oktober 2013

Laman Web Rasmi SME Corp. Malaysia, <http://www.smecorp.gov.my>, Laporan Tahunan SME 2018/2019.

Laman Web Rasmi Kementerian Pembangunan Usahawan.Malaysia, <http://www.medac.gov.my>, Dasar Keusahawanan Negara 2030.

Matzler, K., Schwarz, E., Deutinger, N., & Harms, R. (2008). The Relationship between Transformational Leadership, Product Innovation and Performance in SMEs. *Journal of Small Business & Entrepreneurship*, 21(2), 139–151.

Nauwelaers, C. and R. Wintjes. 2002. "Innovating SMEs and Regions: The Need for Policy Intelligence and Interactive Policies," *Technology Analysis & Strategic Management* 14, no. 2: 201–15.

Philippe Aghion and Steven Durlauf, eds., *The Handbook of Economic Growth* (Amsterdam: North-Holland, 2005), pp 1371-1416

Rauch, A. (2014). Predictions of entrepreneurial behavior: A personality approach. In E. Chell & M. Karatas-Ozkan (Eds.) *Handbook of Research on Small Business and Entrepreneurship*. Edward Elgar, London, UK, 165-183

Shuhymee Ahmad & Abdullah Abdul Ghani (2013). Orientasi Keusahawanan dan Prestasi Perniagaan: Pengaruh Penyederhana Gaya Kepimpinan Transformasi. *Jurnal Pengurusan*, 37, 115 – 123

Wahab, A., Abdul Wahab, D., & Yaakub, M. T. (2019). Cabaran-Cabaran Perusahaan Kecil Dan Sederhana di Malaysia Pasca Merdeka: The Challenges of Small and Medium Enterprises In Malaysia Post Independence. *Jurnal Sains Insani*, 4(2), 65-75.

Yang, C-W. (2006). The Effect Of Leadership And Entrepreneurship Orientation Of Small And Medium Enterprises On Business Performance in Taiwan. Unpublished doctoral dissertation, University of the Incarnate Word.